

Pastikan produk makanan dilabel jelas, tidak mengelirukan



Pensyarah Jabatan
Pengurusan dan
Khidmat Makanan,
Fakulti Sains dan
Teknologi Makanan,
Universiti Putra
Malaysia

Oleh Dr Siti Nurhayati Khairatun
bhrencana@bh.com.my

Baru-baru ini, kita digemparkan dengan penjualan produk roti sandwic mengandungi *ham* tanpa sijil halal diperakui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Penggunaan istilah *ham* di Malaysia jelas mengundang kekeliruan dalam kalangan pengguna, terutama kerana sering dikaitkan dengan budaya makanan di luar negara.

Di luar negara, biasanya *ham* merujuk produk daging khinzir diproses, dihiris nipis dan dihidangkan bersama roti sandwic atau salad. Produk ini sering dijual di pasar raya atau kedai runcit dalam bahagian sejuk beku atau sedia untuk dimakan.

Menurut *Kamus Merriam-Webster*, *ham* secara spesifik merujuk kepada potongan daging bahagian paha, terutama khinzir ditenak.

Istilah *bacon* pula merujuk bahagian tertentu, biasanya bahagian banyak lemak seperti perut dan disalai. Jika produk lain seperti ayam digunakan, ia perlu dijelaskan dengan label spesifik seperti *chicken bacon* untuk mengelakkan kekeliruan.

Dalam industri makanan, pematuhan kepada peraturan ditetapkan amat penting bagi memastikan keselamatan pengguna dan ketelusan maklumat pada produk makanan.

Satu daripada aspek kritikal adalah peratusan bahan digunakan dalam produk akhir makanan, perlu mengikut standard digariskan Peraturan Makanan 1985.

Contoh, jika peratusan isi ayam dalam sesuatu

produk kurang daripada kadar minimum dibenarkan, istilah seperti *chicken bacon* tidak boleh digunakan sebagai nama produk berkenaan.

Penggunaan istilah ini akan mengelirukan pengguna yang mungkin menyangka produk terbabit diperbuat sepenuhnya daripada ayam, sedangkan ia mungkin dicampur bahan lain atau menggunakan daging tidak memenuhi piawaian ditetapkan.

Selain itu, sekiranya sesuatu produk adalah campuran daripada beberapa jenis daging, pengeluar wajib melabelkan kandungan produk dengan jelas

“Di Malaysia,
Seksyen 141 hingga 154
Peraturan Makanan 1985
memperincikan keperluan
pelabelan produk
hasil daging. Namun,
tiada pernyataan khusus
mengenai produk
gunakan istilah seperti
ham dan bacon”

dan telus.

Contoh, jika produk itu mengandungi gabungan daging lembu, ayam dan khinzir, maklumat ini mesti dinyatakan pada label supaya pengguna dapat membuat keputusan tepat berdasarkan keperluan diet, kepercayaan agama atau pilihan peribadi mereka.

Di Malaysia, Seksyen 141 hingga 154 Peraturan Makanan 1985 memperincikan keperluan pelabelan produk hasil daging. Namun, tiada pernyataan khusus mengenai produk menggunakan istilah seperti *ham* dan *bacon*.

Tanggungjawab pihak industri makanan

Oleh itu, pihak industri makanan bertanggungjawab memastikan produk mereka dilabelkan dengan jelas, mudah difahami dan tidak mengelirukan pengguna.

Penggunaan bahasa kebangsaan dalam pelabelan produk dijual juga bersifat mandatori bagi produk keluaran tempatan, seperti dinyatakan mengikut Seksyen 10 peraturan sama.

Namun, masih wujud segelintir pengusaha makanan memilih menggunakan istilah asing tanpa kajian mendalam, sekali gus mencetuskan salah faham dalam kalangan pengguna.

Kegagalan mematuhi peraturan ditetapkan bukan sahaja membuka ruang kepada tindakan undang-undang seperti denda tinggi, tetapi turut menjejaskan reputasi terhadap jenama produk makanan itu secara serius.

Malah, jika keadaan ini dibiarkan berleluasa, ia bukan sahaja akan merosakkan budaya pemakanan Malaysia, tetapi juga menghakis identiti unik makanan tempatan.